



TEKS UCAPAN

**YBHG. DR. ZAITUN BINTI ABU BAKAR,
ISTERI YB MENTERI WILAYAH PERSEKUTUAN**

BAGI

**PROGRAM INISIATIF MENSEJAHTERAKAN RAKYAT WP KUALA LUMPUR
2019 (SOAP MAKING)**

**KOMPLEKS KOMUNITI MUHIBBAH
WP KUALA LUMPUR**

3 OGOS 2019 (SABTU)

JAM 9.00 PAGI

Salutasi (Akan diselaraskan pada hari program)

Bismillahirrahmanirrahim

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh Dan Salam Sejahtera

PENDAHULUAN

1. Alhamdulillah, bersyukur ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala kerana dengan limpah izinNya maka dapat kita semua berkumpul di Kompleks Komuniti Muhibbah pada hari ini bagi menjayakan Program Inisiatif Mensejahterakan Rakyat Peringkat WP Kuala Lumpur pada tahun 2019 bagi sesi Pembuatan Sabun bersama-sama komuniti Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur yang saya kasihi.

2. Saya amat berbesar hati dan bangga dengan kehadiran tuan-tuan dan puan-puan, walaupun sibuk dengan tugas harian terutama hujung minggu namun, sudi meluangkan masa untuk hadir bagi meraih ilmu yang bermanfaat kepada kita semua.

Hadirin Yang Saya Kasih Sekalian;

3. Pada hari ini satu lagi Program Inisiatif Mensejahterakan Rakyat Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur diperkenalkan iaitu Seni Pembuatan Sabun (*Soap Making*). Program Inisiatif Mensejahterakan Rakyat ini merupakan saranan cetusan idea YB Menteri Wilayah Persekutuan dan merupakan program tambahan kepada Program CSR dan bantuan kepada golongan miskin sedia ada yang sedang dilaksanakan oleh pihak DBKL di WP Kuala Lumpur.

4. Ribuan terima kasih kepada Yayasan Wilayah Persekutuan (YWP) yang sudi berkolaborasi dengan Kementerian Wilayah Persekutuan dan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) pada hari ini, bagi kita mengorak langkah dalam melahirkan usahawan-usahawan dalam kalangan komuniti Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur.

5. Saya dimaklumkan, pihak Yayasan Wilayah Persekutuan juga mempunyai pelbagai program keusahawanan, dalam memberikan peluang kepada komuniti Wilayah Persekutuan meningkatkan pendapatan isi rumah sekaligus mampu meningkatkan kualiti dan kehidupan yang lebih baik.

6. Untuk makluman semua, golongan sasaran bagi program ini ialah Komuniti Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur yang terdiri daripada golongan belia, suri rumah, ibu tunggal, pesara, serta asnaf yang menetap di Projek Perumahan Rakyat (PPR) Desa Tun Razak, PPR Ayer Panas, PPR Beringin, PPR Batu Muda serta PPR Muhibbah.

7. Program yang bersifat kemasyarakatan dan kerjaya ini bermatlamat membantu komuniti setempat khususnya golongan wanita yang menetap di PPR dan Perumahan

Awam (PA) di WP Kuala Lumpur yang tidak mempunyai pekerjaan untuk keluar dari masalah ketiadaan sumber pendapatan.

8. Bersesuaian dengan objektif program kita pada hari ini, iaitu memberi ilmu pengetahuan, berkongsi kemahiran serta teknik pembuatan sabun dengan kos yang rendah anda mampu menghasilkan sabun anda sendiri tanpa perlu membeli lagi di pasaran.

9. Selain itu juga, program pembuatan sabun ini juga boleh menjadi sumber pendapatan dengan kreativiti masing-masing. Oleh itu, saya amat berharap agar semua peserta yang hadir pada hari ini dapat mempelajari serta mempraktikkan kemahiran yang dipelajari dan dalam masa yang sama dapat menjana pendapatan.

10. Saya amat berharap agar produk sabun ini akan diangkat menjadi salah satu produk buah tangan kepada para pelancong di Wilayah Persekutuan. Saya percaya, dengan adanya penghasilan pelbagai produk sabun yang unik dan berkualiti, ianya juga berpotensi bukan saja untuk pasaran tempatan malah diyakini mampu dikomersialkan ke pasaran antarabangsa.

11. Melalui usaha yang dilaksanakan ini sekali gus dapat membantu mengubah struktur ekonomi golongan B40, suri rumah serta mereka yang masih tidak mempunyai pekerjaan untuk menjana pendapatan tambahan kepada keluarga meskipun hanya diusahakan di rumah.

12. Oleh hal yang demikian, pembuatan sabun kini semakin mendapat tempat dalam industri perniagaan. Kebanyakan orang kini lebih-lebih lagi golongan wanita lebih beminat untuk membeli barangan kegunaan sendiri yang tiada bahan pengawet mahupun bahan kimia.

13. Jika barangan yang dijual adalah berasaskan organik, saya yakin lebih ramai para wanita diluar sana berminat untuk mencuba dan membeli untuk produk ini kegunaan isi rumah mereka.

14. Oleh itu saya berharap agar pihak Dewan Bandaraya Kuala Lumpur dan Yayasan Wilayah Persekutuan akan terus memimpin tangan para peserta untuk meneruskan inisiatif ini tanpa mengabaikan kehendak dan aspirasi mereka dalam melahirkan usahawan tempatan yang berdaya saing.

15. Saya difahamkan, program ini akan diteruskan pelaksanaannya ke semua komuniti di PPR dan PA bagi membolehkan rakyat menyertai dengan lebih mudah khususnya di kawasan penempatan masing-masing. Jika semua ini menjadi kenyataan dan berjaya dikembangkan, aktiviti pemasaran produk ini harus diberi perhatian.

PENUTUP

16. Akhir kata, saya merakamkan ucapan tahniah dan syabas kepada Kementerian Wilayah Persekutuan, Dewan Bandaraya Kuala Lumpur dan Yayasan Wilayah Persekutuan serta semua yang terlibat secara langsung mahupun tidak langsung dalam menjayakan Program Inisiatif Mensejahterakan Rakyat WP Kuala Lumpur 2019 - Seni Pembuatan Sabun pada hari ini.

17. Oleh itu, dengan lafaz Bismillahirrahmanirahim, saya dengan ini melancarkan Program Inisiatif Mensejahterakan Rakyat Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur 2019 - Seni Pembuatan Sabun.

Sekian, Wabillahi Taufik Walhidayah Wassalamu'alaikum W.B.T.